



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	17/3/2013

BH

17 MAC 2013 AHAD

'Menang jika tak sabotaj'

BH - 17/3/2013

» **BN Kedah mampu rampas 11 kerusi daripada 15**

Oleh **Mohd Azis Ngah**
azis@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) Kedah mampu merampas sekurang-kurangnya 11 daripada 15 kerusi Parlimen serta merampas semula kerajaan negeri dalam PRU-13.

Bekas Perdana Menteri berkata, kemenangan itu akan membantu BN menang dua pertiga kerusi di Dewan Rakyat tanpa perlu terlalu bergantung kepada keputusan di negeri yang dianggap kubu kuat BN terutama di Sabah dan Sarawak.

Namun, Dr Mahathir mengingatkan pemimpin BN negeri bahawa kejayaan itu hanya boleh dicapai jika semua pihak menyokong calon pilihan pimpinan pusat, menepikan kepentingan peribadi dan tidak melakukan sabotaj.

"Dulu kita pernah menang 14 daripada 15 kerusi Parlimen di Kedah. Entah macam mana, kita hilang 11 kerusi pada 2008.



Kita masih ada upaya merampas semula kerusi itu. Jika Sabah dan Sarawak hilang beberapa kerusi, Kedah masih boleh bantu.

BN perlu yakin

"Rakyat perlu sedar, tidak guna kalau kita merampas Kedah tetapi kita hilang kuasa di Dewan Rakyat. Negeri tidak boleh dibangunkan tanpa sokongan Kerajaan Pusat.

"Jika BN menang, tentunya ia lebih mudah," katanya berucap di Majlis Himpunan Anak Kedah bertemakan 'Save Kedah' di Stadium Juara, Bukit Kiara di sini, pagi semalam yang dihadiri lebih 2,000 anak Kedah sekitar Lembah Klang.

Antara pemimpin kelahiran Kedah yang hadir ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Mukriz Mahathir; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Ba-

harom serta pemimpin UMNO bahagian.

Dr Mahathir berkata, pemimpin BN perlu meyakinkan pengundi bahawa mereka mesti membuat keputusan berdasarkan perjuangan parti dan jangan sesekali menilai siapa yang dicalonkan.

"Undi kerana sokong BN. Tak kiralah calon Melayu, India atau Cina. Calon BN pun bertanding atas nama parti, jadi jangan sesekali cuba sabotaj parti sendiri.

Pemimpin sudah bersedia

"Dulu pun saya pernah kena sabotaj, tetapi ketika itu, kita memang menang majoriti besar, setakat hilang 1,000 undi, kita masih menang. Tetapi sekarang, (kekurangan) satu undi pun kita boleh kalah," katanya.

Mengulas mengenai keyakinan Dr Mahathir itu, Mukriz berkata, semua kepimpinan BN negeri sudah bersedia di tahap maksimum untuk memastikan kemenangan BN dan semua isu berkaitan sudah diselesaikan termasuk soal pemilihan calon.

"Kita mahu pastikan Kedah tidak terpinggir daripada arus pembangunan perdana. Sebab itu setiap rakyat mempunyai peranan, paling kurang pun, mereka kena mengundi. Jangan anggap itu urusan parti, itu tanggungjawab rakyat," katanya.



"Dulu kita pernah menang 14 daripada 15 kerusi Parlimen di Kedah. Entah macam mana, kita hilang 11 kerusi pada 2008. Kita masih ada upaya merampas semula kerusi itu"

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri